

Ruj. Kami: (1) MBPJ/090100/T/A6 Jld. 11
Tarikh: 1 Oktober 2012

KENYATAAN AKHBAR

PENEMPATAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK GRED UTAMA

Merujuk kepada perkara di atas, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tidak bersetuju dengan surat arahan penempatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) kepada Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

- 2) Surat yang bertarikh 27 September 2012 tersebut diterima oleh Majlis pada 28 September 2012 dan arahan penempatan Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2012.
- 3) Dengan ini Majlis dengan tegas membantah arahan tersebut yang ternyata bercanggah dengan Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang jelas menyatakan memberi kuasa mutlak kepada Kerajaan Negeri untuk melantik Datuk Bandar Pihak Berkuasa Tempatan.
- 4) Arahan pertukaran tersebut adalah tidak sah kerana Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman dilantik sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya oleh Kerajaan Negeri dan perlantikan itu masih berkuatkuasa.
- 5) Sehubungan itu, surat arahan Jabatan Perkhidmatan Awam tersebut yang mengarahkan Y.Bhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Datuk Bandar Petaling Jaya ditempatkan sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) yang berkuatkuasa pada 1 Oktober 2012 adalah tidak sah.
- 6) Y.Bhg. Dato' Mohamad Roslan bin Sakiman belum terlepas daripada jawatan Datuk Bandar MBPJ dan masih bertugas sebagai Datuk Bandar MBPJ. Jawatan Datuk Bandar ini adalah satu jawatan statutori yang tertakluk di bawah Akta Kerajaan Tempatan.
- 7) Oleh kerana arahan tersebut adalah tidak sah jadi Y.Bhg Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman masih lagi merupakan Datuk Bandar MBPJ dan masih boleh

berkhidmat di MBPJ. Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976, jelas memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk melantik Datuk Bandar, di mana Datuk Bandar dilantik mengikut prosedur di bawah undang-undang.

8) Pada masa ini adalah tempoh yang amat penting bagi MBPJ dalam proses menyediakan bajet 2013 yang mana bertemakan PJ Prihatin. Bajet ini telah dikemukakan kepada penduduk PJ yang mana kini dalam proses akhir pembentangan bajet yang dijadualkan pada hari Rabu, 3 Oktober ini.

9) Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam yang dikeluarkan secara serta merta dan tergesa-gesa ini akan menjejaskan proses penyediaan bajet 2013 ini yang melibatkan kepentingan orang awam khususnya rakyat Petaling Jaya juga boleh menjejaskan sistem pentadbiran dan pengurusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Sehubungan itu Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan tegasnya menggesa Jabatan Perkhidmatan Awam memandang serius perkara ini. Kemungkinan perkara ini terpaksa dibawa ke mahkamah untuk satu deklarasi yang menyatakan tindakan arahan penempatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik kepada Y.Bhg Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman adalah tidak sah dan ultra vires.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, Email: media@mbpj.gov.my.

Sebarang pertanyaan atau makluman lanjut, sila hubungi Unit Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya Tel: 03-79563544 sambungan 203/204, faks: 03-79582695.